

# Kebangkitan semula Islam Malaysia antara negara pelopor: Dr. Mahathir

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Malaysia telah berperanan memelihara perpaduan dan kerjasama Islam terus menjadi faktor utama dalam keamanan dan kemakmuran antarabangsa, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Menjawab soalan bertulis Encik Shaari Jusoh (BN-Kangar), beliau berkata, Malaysia sedar akan 'trend kebangkitan Islam dalam politik antarabangsa'.

Tambahnya, adalah jelas bahawa Malaysia tidak 'menunggu dan melihat' tetapi sebaliknya meneroka jalan memperkembangkan pengaruh agama Islam di seluruh dunia moden ini.

Katanya, dasar luar Malaysia telah dirangka supaya mampu menghadapi cabaran dan perubahan-perubahan politik antarabangsa.

"Sejak tahun-tahun enam puluhan lagi Malaysia telah memberi keutamaan kepada pertaliannya dengan negara-negara Islam dan telah mengambil inisiatif mengukuhkan lagi tali persaudaraan dengan mereka.

"Kita didorong oleh kepercayaan dan keyakinan yang

mendalam akan potensi-potensi yang membena hasil dari satu kebangkitan Islam," katanya.

Beliau berkata, tidaklah salah jika dikatakan Malaysia telah meneroka bersama negara-negara Islam lain gerakan kebangkitan semula Islam.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia telah mengamal dan mengutarakan perpaduan dan kerjasama Islam sebagai suatu cara meningkatkan umat Islam.

"Cadangan Tunku Abdul Rahman semasa beliau menjadi Perdana Menteri supaya ditubuh 'Komenwel Islam' jelas membuktikan peranan Malaysia," je-

lasnya.  
Beliau memberitahu, Persidangan Islam peringkat kerajaan yang pertama telah diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1969.

Persidangan itu dihadiri oleh 23 buah negara Islam dengan tujuan bertukar-tukar fikiran secara mendalam dan membincang masalah-masalah agama.

Salah satu hasil persidangan ini ialah penubuhan Pusat Penyelidikan Islam di Kuala Lumpur.

## Musabaqah

"Musabaqah al-quran anjuran Malaysia telah mendapat sambutan baik dan menjadi lambang peranan kita menjalanakan dakwah Islamiyah dan perpaduan Islam, terangnya.

Menjawab soalan Encik Wan Mohd Najib Mohamad (BN-Pasir Putih), beliau menekankan, kerajaan yakin pergolakan di Afghanistan tidak akan berlaku di negara ini.

Encik Wan Najib meminta kerajaan menyatakan langkah-langkah menyekat segolongan kecil pemimpin yang keciwa dan bankrap dalam politik tanah air, daripada mendapat bantuan luar dengan tujuan memuaskan nafsu politik mereka biarpun negara, rakyat dan agama hancur sebagaimana yang berlaku di Afghanistan.

## Diawasi

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan memang mengawasi kemungkinan segolongan kecil pemimpin mendapat bantuan luar.

Tambahnya, perkara ini tidak mudah dikesan. Bagaimanapun Kerajaan tidak lalai atau cuai menyiasatnya.

"Kerajaan yakin apa yang berlaku di Afghanistan tidak akan berlaku di negara ini," ujarnya.

Kepada soalan tambahan anggota yang sama, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, masanya belum tiba untuk Kerajaan bertindak kerana belum mempunyai bukti.

Tegasnya, Kerajaan

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia